

13/09/2003

SPNB ambil alih bina rumah kos rendah

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengambilalih pembinaan rumah kos rendah dan sederhana, terutama melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), untuk memastikan lebih ramai golongan sasaran mendapat peluang memiliki rumah.

Pada masa yang sama, beban syarikat pemaju perumahan swasta akan dikurangkan dengan mereka diberi pilihan sama ada mahu melaksanakan sendiri pembinaan rumah kos rendah sebanyak 30 peratus atau menyerahkan kepada SPNB melaksanakannya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, syarikat swasta bagaimanapun akan dikehendaki membayar caruman sebagai timbal balas.

"Pencarum KWSP yang membeli rumah kos rendah yang dibina SPNB akan juga diberi kemudahan pembiayaan akhir melalui Malaysia Building Society Berhad (MBSB)," katanya.

Perdana Menteri berkata, berasaskan profil penduduk negara, terutama mereka dalam golongan umur 20 hingga 24 tahun, permintaan perumahan kos rendah dan sederhana dianggarkan meningkat 500,000 unit untuk tempoh lima tahun akan datang.

Kerana penyediaan perumahan kos rendah dianggap satu tanggungjawab sosial kerajaan, maka kerajaan negeri akan diminta untuk mengecualikan premium tanah untuk pembinaannya.

"Semua syarikat utiliti yang membekalkan kemudahan perkhidmatan seperti elektrik, air dan telefon juga diminta untuk hanya mengenakan kos asas saja," katanya.

Dr Mahathir berkata, satu projek contoh berasaskan konsep baru akan dilaksanakan di tanah seluas 400 hektar milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Lembah Klang, membabitkan pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik.

Projek ini akan dilengkapi kemudahan pengangkutan awam, pusat ibadat, kemudahan komersial, pusat beli-belah, kedai runcit, kemudahan riadah termasuk taman dan padang permainan dan dewan orang ramai.

Beliau berkata, SPNB akan mengambilalih dan mengurus projek perumahan di bawah Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah (TPPKR) yang kini di bawah TPPT Sdn Bhd.

Katanya, pada tahun depan, kerajaan menyediakan RM558.8 juta untuk pelbagai projek perumahan awam kos rendah termasuk RM484 juta untuk membina 62,672 unit rumah kos rendah menerusi Program Perumahan Rakyat yang akan disewa kepada setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bandar utama.

Bakinya RM74.5 juta diperuntukkan secara pinjaman kepada kerajaan negeri bagi meneruskan pembinaan sebanyak 28,541 unit rumah kos rendah.

Bagi pasukan keselamatan, Perdana Menteri mengumumkan RM418.1 juta disediakan bagi meneruskan pembinaan 3,500 unit rumah untuk anggota tentera, manakala RM251 juta untuk menyiapkan 44 projek perumahan bagi anggota polis.

Sementara itu, kerajaan akan mengambil langkah untuk memudah dan mempercepatkan pemuliharaan 204 projek perumahan terbengkalai di seluruh negara, membabitkan 66,000 unit dengan nilai RM5.6 bilion.

Dr Mahathir berkata, pemuliharaan 36,000 unit rumah terbabit bernilai RM3.4 bilion sedang diuruskan oleh SPNB.

"Untuk mengatasi kelewatan yang disebabkan masalah dengan pemiutang, pemaju dan bank, Danaharta akan menguruskan hutang ini dengan institusi-institusi kewangan berkenaan dan SPNB akan bertanggungjawab menyiapkan projek berkenaan," katanya.